

12/07/1997

Kebersihan: MB tegur sikap MPKT

Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) dan enam majlis daerah lain di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata sepatutnya bandar utama di negeri ini, khususnya di sepanjang laluan utama di seluruh negeri ini dan bandar Kuala Terengganu berada di tahap yang boleh dibanggakan.

Bagaimanapun, katanya, selepas enam bulan Tahun Melawat Terengganu (TMT) dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kebersihan bandar dan beberapa jalan utama yang menjadi laluan pelancong masih tidak diberikan perhatian oleh pihak berkuasa tempatan.

"Sepatutnya pegawai di MPKT dan enam majlis daerah lain di negeri ini mencontohi keindahan dan kebersihan yang dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ataupun Majlis Perbandaran Kuantan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung dwitahunan Kelab Sukan dan Kebajikan MPKT di Stadium Negeri, di sini, malam tadi.

Setakat ini, katanya, hanya Majlis Daerah Kemaman (MDK) berjaya membuktikan kemampuannya menghiasi bandar dengan pelbagai lanskap menarik sehingga berjaya menerima pelbagai anugerah yang dianjurkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Beliau yang juga Yang Dipertua MPKT menyarankan supaya pegawai di beberapa bahagian di MPKT dan majlis daerah lain mencontohi MDK, termasuk mendapatkan pengalaman bekerja dengan MDK.

Beliau juga kesal dengan sikap sebahagian pekerja majlis perbandaran dan daerah yang masih mengamalkan sikap `seumpama tukul dengan besi'.

Sepatutnya, pekerja bawahan sudah tahu apa yang sepatutnya dilakukan mereka dan tidak menunggu arahan kerja daripada pegawai atasan.

(END)